

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 8 MAC 2024
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 6

Kerajaan rangka pelan jangka panjang pemerksaan bumiputera

Kerajaan rangka pelan jangka panjang pemerksaan bumiputera

KUALA LUMPUR: Kerajaan bakal merangka pelan jangka panjang agenda baharu pemerksaan bumiputera yang lebih segar dan inklusif tanpa meminggirkan peranan semua etnik di negara ini untuk tempoh 10 tahun akan datang.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, hala tuju agenda baharu pemerksaan bumiputera itu turut mengambil kira kesemua intipati hasil daripada Kongres Ekonomi Bumiputera (KEB 2024).

Beliau berkata, pelan itu dijangka diluncurkan pada Jun tahun ini termasuk usaha bagi melonjakkan lagi tahap sosioekonomi bumiputera menerusi pelbagai bidang dan sektor agar terus berdaya saing.

“Tumpuan diberikan kepada tiga pemacu merangkumi memperkukuh pasak ekonomi negara, memperkukuh kerukunan tatakelola dan institusi serta menegakkan keadilan sosial,” katanya semasa waktu pertanyaan-pertanyaan menteri.

Beliau menjawab soalan Zahir Hassan (PH-Wangsa Maju) yang ingin tahu hala tuju dan pendekatan baharu yang sedang dirangka kerajaan hasil daripada KEB 2024



Tumpuan diberikan kepada tiga pemacu merangkumi memperkukuh pasak ekonomi negara, memperkukuh kerukunan tatakelola dan institusi serta menegakkan keadilan sosial.”

RAFIZI RAMLI

bagi melonjakkan lagi tahap sosioekonomi bumiputera.

Rafizi berkata, kerajaan juga akan memberi fokus kepada usaha pemerksaan dan penguayaan golongan pertengahan bumiputera yang mampu mencipta nilai kepada ekonomi dengan membina perniagaan serta meningkatkan pendapatan.

Katanya, ia berbanding hanya

menambah nilai kepada ekonomi atau bergantung harap kepada pekerjaan bergaji tetap semata-mata.

“Usaha lain dalam memperksa bumiputera ini termasuk mengukuhkan daya saing dalam pelbagai bidang dan sektor, meningkatkan penskalaan, membangunkan bakat, meningkatkan pendapatan serta menoktahkan kemiskinan tegar.

“Seterusnya, fokus turut diberikan kepada penghayatan dan falsafah bumiputera, pengukuhan penyampaian perkhidmatan dan peningkatan penyertaan syarikat swasta, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat berkaitan pelaburan kerajaan (GLIC),” katanya.

Terdahulu, Rafizi berkata, kerajaan sudah melaksanakan pelbagai dasar, strategi dan inisiatif jangka masa pendek, sederhana dan panjang dalam memperksa agenda bumiputera.

Bagaimanapun, katanya, masih wujud jurang sosioekonomi antara etnik di Malaysia seperti peratusan insiden kemiskinan mutlak bumiputera adalah tertinggi di Malaysia iaitu 7.9 peratus, berbanding Cina 1.9 peratus dan India 5.4 peratus pada 2022.